

**PERKAITAN PENGAMALAN ETIKA KERJA MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM DENGAN KEPUASAN KERJA
GURU DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

MOHD SHAHRILO BIN AHMAD RAZIMI

**ASIA e UNIVERSITY
2012**

**PERKAITAN PENGAMALAN ETIKA KERJA MENURUT PERSPEKTIF
ISLAM DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DI MAKTAB RENDAH
SAINS MARA**

MOHD SHAHRIL BIN AHMAD RAZIMI

ASIA e UNIVERSITY

2012

AEU Library



00004956

**PERKAITAN PENGAMALAN ETIKA KERJA MENURUT PERSPEKTIF
ISLAM DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DI MAKTAB RENDAH
SAINS MARA**

MOHD SHAHRIL BIN AHMAD RAZIMI

**Tesis ini Dikemukakan ke Fakulti Pendidikan Asia e University,
Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Doktor Falsafah
Dalam Bidang Pendidikan**

OGOS 2012

ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah bertujuan untuk melihat perkaitan pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam dengan kepuasan kerja guru-guru Maktab Rendah Sains MARA di Malaysia (MRSM). Etika kerja menurut perspektif Islam ialah merujuk kepada nilai-nilai, norma dan adab yang telah dibincangkan oleh para cendikiawan Islam seperti Imam al-Ghazali, Ibn Maskaweyh, Al-Farabi, al-Raghib al-Isfahani dalam amalan pekerjaan yang juga merupakan ibadah dalam Islam. Kepuasan kerja pula merujuk kepada 8 konstruk yang telah dibangunkan oleh penyelidik terdahulu dalam mengukur kepuasan kerja dalam melakukan pekerjaan seterusnya dapat dipaksikan kepada guru-guru Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Kaedah Kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif, apabila data kuantitatif diperoleh melalui instrumen soal selidik yang dimodifikasi oleh pengkaji terdahulu bagi mengekalkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan keputusan kajian-kajian yang terdahulu, ditadbir kepada sampel kajian yang terdiri daripada 12 pengetua dan 363 orang guru yang dipilih secara rawak struktur berkelompok dengan menggunakan model Pengukuran Rasch. Data kualitatif pula diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian kepada 12 orang pengetua yang dipilih mengikut zon-zon yang telah dibahagikan oleh pengkaji dalam memudahkan data diperolehi dan diproses. Dapatan kajian menunjukkan etika kerja menurut perspektif Islam yang boleh dikategorikan kepada 17 item mempunyai perkaitan yang cukup signifikan dengan kesemua 8 konstruk dalam kepuasan kerja guru-guru di Maktab Rendah Sains MARA di Malaysia. Dalam kajian ini juga menunjukkan faktor demografi mempengaruhi pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam terhadap guru-guru dengan konstruk-konstruk kepuasan kerja seperti umur, gaji dan imbuhan yang diterima, jantina-kenaikan pangkat dan pengurusan prasarana, latar belakang-faktor persekitaran dan rakan sebaya. Dapatan kajian memperlihatkan penyumbang utama dalam peningkatan etika kerja menurut perspektif Islam dan kepuasan kerja adalah pengaruh rakan sebaya. Secara keseluruhannya peningkatan pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam berjajaran dengan kepuasan kerja.

RELATION BETWEEN PRACTISING WORK ETHICS IN ISLAMIC PERSPECTIVE AND JOB SATISFACTION TEACHERS OF MARA JUNIOR SCIENCE COLLEGES

ABSTRACT

The Objective of the study is to investigate the relation between working ethics in accordance to the Islamic perspective and job satisfaction among MARA Junior Science Colleges (MJSC) teacher's in Malaysia. Work ethics according to the islamic perspective refers to the values, norms and manners that which are thoroughly discussed by permanent scholars such as Al-Imam al-Ghazali, Ibn Maskaweyh, Al-Farabi, al-Raghib al-Isfahani, which are also seen as 'ibadah' (ritual performed to obtain blessing and love from Allah S.W.T) in Islam. Job Satisfaction refers to the 59 items previously developed by other researchers to measure job satisfaction when one aims to work to obtain love and blessing from god. To ensure the validity and reliability of the study, a variety of methods were applied in the study, quantitative datas were obtained through questionairres based on the results of previous studies, administered by research sample of 363 MJSC's teachers and 12 principals selected were interviewed and observed. In order to simplify the data gathering process, Islamic working ethics perspective that can be categorized into 17 items had a significant relationship to teacher's job satisfaction at MARA Junior Science Colleges in Malaysia. The study also revealed the influence of demographic factors such as age, gender, salary and emolumens, work promotion received had a significant relationship with Islamic work ethics and MJSC teacher's job satisfaction. This study also showed that the major contribution of correlation between Islamic work ethics and job satisfaction is peer relationship.

HELAIAN PENGESAHAN

Saya akui bahawa saya telah menyelia dan telah meneliti kajian ini. Pada pemerhatian saya, kajian ini adalah memenuhi standard kesarjanaan penyelidikan berdasarkan kualiti dan bidang kajian. Tesis ini adalah bagi memenuhi keperluan penganugerahan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan.



Prof Dr Yusup Hashim
Penyelia Utama



Prof Dr Abdullah @ Alwi Hassan
Penyelia bersama

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : 

Nama Penulis: **MOHD SHAHRILO BIN AHMAD RAZIMI**

Tarikh : **05 Ogos 2012**

HAKCIPTA MOHD SHAHRIL BIN AHMAD RAZIMI

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada penyelia penyelidikan, Prof Dr Yusof Bin Hashim dan Prof Dr Abdullah @ Alwi Hj Hassan di atas kesabaran mereka membimbang, memberi nasihat, sokongan dan dorongan selama tempoh penyelidikan. Terima kasih diucapkan kepada Dr Saifudin bin Masu'di serta Dr Azilah Abd Aziz di atas tunjuk ajar dalam penulisan tesis menggunakan model pengukuran Rasch yang sangat berharga bagi memurnikan penulisan tesis dengan teknik yang terkini dalam pemprosesan data yang diperolehi.

Dedikasi kepada keluarga tercinta, ayahanda Ahmad Razimi Bin Abd Ghani bonda Siti Ashah Binti Md Salleh; isteri Mariam Binti Maarof; anak-anak semua Fatin Nurjazila. ‘Aidil Adha; Aiman Fitri dan Aisar Rafiqi yang banyak bersabar, memahami, memberi dorongan dan sentiasa mendoakan.

Penghargaan yang teristimewa kepada kedua-dua belah pihak ibu bapa tersayang yang sentiasa bersama semasa susah dan senang. Bersyukur mempunyai keluarga yang penyayang dan sentiasa mendoakan kejayaan anakanda. Penghargaan teristimewa kepada saudara mara terdekat, rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi perhatian dan sokongan menguruskan keluarga kekanda semasa pengajian ini dijalankan.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada LSZ melalui bantuan asnaf zakat pendidikan yang meringankan beban kewangan dalam menyiapkan tesis ini sangat-sangat dihargai. Sesungguhnya bantuan yang diterima sangat bermakna dan diharapkan penulis dapat menyumbang kembali kepada pembangunan, kerohanian dan perkembangan intelektual masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
HELAIAN PENGESAHAN	v
PENGAKUAN	vi
HELAIAN HAKCIPTA	vii
PENGHARGAAN	viii
KANDUNGAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI TERJEMAHAN BAHASA ARAB – BAHASA MELAYU	xxi
	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	01
1.2	Pernyataan Masalah	04
1.3	Tujuan Kajian	09
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Rasional Kajian	12
1.7	Signifikan Kajian	12
1.8	Kerangka Penyelidikan	18
1.9	Limitasi Kajian	22
1.9.0	Definisi Operasional	23
1.9.1	Hipotesis Kajian	27
1.9.2	Kajian Rintis	27
1.9.3	Sampling Kajian	28
1.9.4	Populasi Kajian	29
1.10	Instrumen Kajian	29
1.11	Cara Pemarkatan Kajian	31
1.11.1	Index Diskriptif Pekerjaan(JDI)	31
1.11.2	Kebolehpercayaan JDI	34
1.12	Penutup	36

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	37
2.1	Definisi Etika Kerja	37

2.2	Falsafah Etika Kerja Menurut Perspektif Islam	41
2.3	Tokoh-tokoh Falsafah Etika Kerja Menurut Perspektif Islam	42
2.3.1	Imam al-Ghazali r.'a	42
2.3.2	Al-Farabi	44
2.3.3	Ibn Maskaweyh	45
2.3.4	Al-Raghib al-Isfahani	46
2.4	Etika kerja menurut perspektif Islam dan pendidikan	46
2.5	Etika Kerja Menurut Perspektif Islam	65
2.6	Etika kerja Konvensional	71
2.7	Definasi kepuasan kerja	71
2.8	Teori Kepuasan kerja	76
2.8.1	Teori Perbandingan(<i>Discrepancy Theory</i>)	76
2.8.2	Teori Keadilan	77
2.8.3	Teori Dua- Faktor	77
2.9	Kajian Mengenai faktor penentu kepuasan kerja	78
2.9.1	Kepuasan kerja terhadap keadaan persekitaran	78
2.9.2	Kepuasan kerja terhadap gaji	81
2.9.3	Kepuasan kerja terhadap kenaikan pangkat	84
2.9.4	Kepuasan kerja terhadap penyelia dan penyeliaan	86
2.9.5	Kepuasan kerja terhadap rakan sekerja	90
2.10	Teori Pengukuran	91
2.10.1	Teori Respons Item / <i>Item Respons Theory</i>	93
2.10.1.	Model-model pemilihan teori Respons Item	94
2.10.2.	Model Pengukuran Rasch	97
2.10.3.	Model Rasch dan Pembinaan ujian	99
2.10.4	Teori Pengujian Klasik atau Classical Test Theory (CTT)	101
2.10.5	Batasan Teori Ujian Klasikal (CTT)	103
2.10.6	Perbandingan teori ujian Klasikal dan Teori Respons Item	105

2.10.6 Isu-isu Psikometrik	106
2.10.7 Pembangunan skala pengukuran interval sama	107
 2.11 Model Pengukuran Rasch	 111
2.11.1 Unidimensionaliti	111
2.11.2 Kesesuaian statistic (<i>fit statistic</i>)	112
2.11.3 Isu-isu Kesahan	114
2.11.4 Model Pengukuran Rasch dan kualiti ujian	115
 2.12 Analisa Data menggunakan Model Pengukuran Rasch	 117
2.12.1 Polariti Item	117
2.12.2 Peta item – individu	118
2.12.3 Menilai ketidakpadanan (<i>Misfit</i>)	118
2.12.4 Kesesuaian item (<i>fit item</i>)	119
2.12.5 Indek Pengasingan (<i>Separation</i>)	120
2.12.6 Analisis komponen (<i>residual dimensional</i>)	121
2.12.7 Kesesuaian individu (<i>person fit</i>)	122
2.12.8 Skala pemeringkatan (<i>rating</i>)	122
2.12.9 Rumusan	123
 2.13 <i>Differential item Functioning (DIF)</i>	 123
2.13.1 DIF dan kesahan	127
2.13.2 Analisa DIF dalam pelbagai instrument	128
2.13.3 Pengesahan DIF dalam analisa Item	129
2.13.4 Kaedah mengesan DIF	129
 2.14 Penutup	 132

BAB 3 KAEADAH KAJIAN

3.0 Pendahuluan	133
3.1 Reka Bentuk Kajian	134
3.1.1 Pengumpulan Data primer	136
3.1.2 Penganalisan Data	137
3.1.3 Pelaporan Data	140

3.2	Populasi dan Sampel Data	140
3.2.1	Mengenalpasti Sampel Responden	141
3.2.2	Saiz Populasi dan Sampel Kajian	142
3.2.3	Prosidur Pensampelan Kajian	144
3.2.4	Lokasi Kajian	144
3.3	Instrumen Kajian	147
3.3.1	Pembolehubah kajian	147
3.3.2	Pembinaan Instrumen Kajian	148
3.3.3	Set soal Selidik	148
3.4	Prosedur Kajian	154
3.4.1	Tatacara pemerolehan data	154
3.4.2	Prosidur Pengurusan Soal selidik	157
3.4.3	Temubual Protokol	159
3.5	Pengumpulan dan Penganalisan Data	159
3.5.1	Data Kuantitatif	161
3.5.2	Statistik Deskriptif	161
3.5.3	Rumusan Item dan Person Statistik	162
3.5.4	Ujian signifikan melalui PT MEA CORR	162
3.5.5	Ujian 3 parameter	163
3.6	Data Kualitatif	164
3.6.1	Analisis Data Temubual	165
3.6.2	Mereduksi Data	166
3.6.3	Membuat Verifikasi	169
3.6.4	Mempersembahkan Data	171
3.7	Rumusan	172

BAB 4 ANALISA DATA

4.1	Pendahuluan	173
4.2	Profil Responden Kajian(<i>Responden Profile</i>)	173
4.3	Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>)	175
4.3.2	Kesukaran Item (Item Fit)	176
4.3.2	Kebolehpercayaan Responden	176
4.3.4	Pemisahan Responden(Separation)	177
4.4	Dimensionaliti	178
4.5	Item Measure	181
4.6	Person Measure	182
4.7	Kesesuaian Item dan Kesesuaian Responden	185
4.8	Polariti Item	186
4.9	Kefungsian Struktur Kategori Pengukuran (DIF)	187
4.10	Persoalan Kajian	
4.10.1	Kewujudan pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam di MRSM	188
4.10.2	Faktor-Faktor yang mempengaruhi item etika kerja menurut Perspektif Islam	217
4.10.3	Hubung kait antara item dalam etika kerja menurut perspektif Islam terhadap aspek-aspek kepuasan kerja di kalangan guru Maktab Rendah Sains MARA	220
4.10.4	Perbezaan Min terhadap faktor demografi terhadap etika kerja menurut perspektif Islam dan kepuasan kerja guru-guru MRSM	222
4.10.5	Penyumbang terbesar dalam pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam terhadap kepuasan bekerja guru-guru MRSM	225
4.11	Penutup	234

BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	235
5.2. Ringkasan kajian	237
5.2.1 Kajian Keperluan	238
5.2.2 Kebolehpercayaan	238
5.2.3 Kesesuaian Item (Item Fit)	239
5.2.4 Aras Kesukaran dan Persetujuan Responden	239
5.2.5 Dimensionaliti	240
5.2.6 Kefungsian struktur kategori Pengukuran	241
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	241
5.3.1 Perbandingan Pengukuran Item etika kerja dan item kepuasan Bekerja guru-guru MRSM.	241
5.3.2 Faktor yang mempengaruhi item etika kerja menurut perspektif Islam	246
5.3.3 Hubungkait antara item etika kerja menurut perspektif Islam terhadap Kepuasan kerja guru-guru MRSM	249
5.3.4 Perbezaan min yang signifikan antara factor demografi terhadap etika kerja Menurut perspektif Islam serta aspek kepuasan kerja	251
5.3.5 Penyumbang terbesar dalam pengamalan etika kerja menurut perspektif Islam terhadap aspek kepuasan kerja	256
5.4 Perbandingan Pengukuran Item etika kerja dan item kepuasan kerja	258
5.5 Perspektif Praktikal	259
5.6 Cadangan kajian lanjutan	263
5.7 Penutup	265
Rujukan	266

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK
2.1	Jadual nilai pekerjaan Rasulullah SAW
3.1	Penganalisaan data berdasarkan soalan kajian
3.2	Bilangan MRSM mengikut zon dan negeri.
3.3	Bilangan Sampel kajian mengikut Zon
3.4	Instrumen soalselidik untuk Guru dan pengetua
3.5	Etika kerja menurut perspektif Islam
3.6	Konstruk Etika kerja Islam Model AAY
3.7	Konstruk Kepuasan bekerja

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK
1.1	Rajah Kerangka Kajian
1.2	Rajah kerangka kajian kuantitatif penyelidikan
1.3	Kerangka teori kajian
1.4	Kerangka objektif penyelidikan kajian
2.1	Rajah kerangka kajian literatur
2.2	Rajah Model Etika kerja Islam (Model Abbas Ali & Yousuf Darwish 1969)
3.1	Rajah Pengumpulan data Primer
3.2	Prosidur pensampelan
3.3	Model Prosidur Kajian

4.1 Data Taburan kekerapan Etika kerja
Dan kepuasan kerja oleh responden

SENARAI SINGKATAN

%	Peratusan
&	dan
/	atau
BBM	Bahan Bantu Mengajar
Bil/Bil.	Bilangan
CA	California
Chi-square	Kuasa dua
DIF	Fungsi Perbezaan Item
Dll	dan lain-lain
Dr.	Doktor
dsb.	dan sebagainya
et al.	(et alia) : and others
CFA	Ketetapan Analisa Faktor
CTT	Teori Pengujian klasik
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GIK	Gaji dan Imbuhan Kewangan
Hlm.	Halaman
IPT	Institusi Pengajian Tinggi

Juz.	Juzuk
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KKPK	Peningkatan Kemajuan dan Peluang Kerjaya
KP	Keadaan Persekutaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KTSM	Kerja-kerja Tambahan selain Mengajar
L	Lelaki
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MRSMPC	Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa Kelantan
MRSMKC	Maktab Rendah Sains MARA Kuching Sarawak
MRSMBJ	Maktab Rendah Sains MARA Batu Pahat Johor
MRSMBK	Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kubu Bharu Selangor
MRSMTK	Maktab Rendah Sains MARA Terendak Melaka
MRSMBP	Maktab Rendah Sains MARA Balik Pulau Pulau Pinang
MRSMKW	Maktab Rendah Sains MARA Kuala Klawang N.Sembilan
MRSMKT	Maktab Rendah Sains MARA Kuala Terengganu
MRSMKL	Maktab Rendah Sains MARA Kuala Lipis Pahang
MRSMKR	Maktab Rendah Sains MARA Kuala Krai Kelantan
MRSMLK	Maktab Rendah Sains MARA Langkawi Kedah
MRSMBS	Maktab Rendah Sains MARA Beseri Perlis
Min	Purata
MUAFAKAT	Majlis Permuafakatan Ibu Bapa
MS	Microsoft
N.Sembilan	Negeri Sembilan

P	Perempuan
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PKP	Program Khas Pengajaran
PKP.	Peluang Kenaikan Pangkat
PMR	Penilaian Menengah Rendah
Ph.d	Philosophy doctor
PPP	Pengurusan dan Penyeliaan Pekerjaan
Prof.	Profesor
PRS	Prasarana Sekolah dan Persekutaran
PI	Pendidikan Islam
RK	Rakan Sekerja
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SD	Nilai standard
SP	Sisipan Piawai
SPMA	Standard Penilaian MARA
S.W.T	<i>Subhanahu wa taala</i>
S.A.W	<i>Sallaallah hu wassalam</i>
<i>t.th.</i>	<i>tanpa tarikh</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MPR	Model Pengukuran Rasch
BPM	Bahagian Pendidikan Menengah MARA
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
PTMEA	Titik Ukuran Korelasi
R.A	<i>Radiallah Hu An</i>
<i>Yg.</i>	<i>yang</i>

BAHASA ARAB – BAHASA MELAYU

<i>Itqan</i>	Bersungguh-sungguh
<i>Istiqamah</i>	Berterusan
<i>Murunah</i>	Berpada-pada
<i>Musyawarah</i>	Bermesyuarat
<i>Ullul Albab</i>	Generasi pemikir dan cendikiawan Islam
<i>Tazkiyyah</i>	Pembersihan
<i>Jihad</i>	Perjuangan
<i>Taharah</i>	Kebersihan
<i>Makarim</i>	Kesempurnaan
<i>Tafsil</i>	Pemisahan
<i>Wasatiyyah</i>	Keserدهanaan
<i>Muraqabah</i>	Mendekatkan diri
<i>Qanaah</i>	Berpada-pada
<i>Syariah</i>	ilmu berkaitan ibadah dan cara pelaksanaan.
<i>Tahdib</i>	Mendidik
<i>Ta'dibi</i>	Golongan orang yang beradab
<i>Khalifah</i>	Golongan pemimpin
<i>Mursyid</i>	Pemberi tunjuk ajar
<i>Murabbi</i>	Pendidik berjiwa ketuhanan yang jitu
<i>Insan</i>	Manusia
<i>Maaruf</i>	Kebaikan
<i>Munkar</i>	Keburukan
<i>Muallim</i>	Golongan pendidik

P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PKP	Program Khas Pengajaran
PKP.	Peluang Kenaikan Pangkat
PMR	Penilaian Menengah Rendah
Ph.d	Philosophy doctor
PPP	Pengurusan dan Penyeliaan Pekerjaan
Prof.	Profesor
PRS	Prasarana Sekolah dan Persekutaran
PI	Pendidikan Islam
RK	Rakan Sekerja
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SD	Nilai standard
SP	Sisipan Piawai
SPMA	Standard Penilaian MARA
S.W.T	<i>Subhanahu wa taala</i>
S.A.W	<i>Sallaallah hu wassalam</i>
<i>t.th.</i>	<i>tanpa tarikh</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MPR	Model Pengukuran Rasch
BPM	Bahagian Pendidikan Menengah MARA
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
PTMEA	Titik Ukuran Korelasi
R.A	<i>Radiallah Hu An</i>
<i>Yg.</i>	<i>yang</i>

SENARAI TERJEMAHAN

<i>Fasid</i>	Kerosakan
<i>Riwayah</i>	Disampaikan
<i>Hadith</i>	Segala percakapan, perbuatan dan diam baginda Nabi Muhammad S.A.W

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Agama adalah suatu ciri penting dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada individu, masyarakat dan organisasi. Tanpa kita sedari bahawa melalui peruntukan perlombagaan di dalam bahagian 1, perkara 3(1) serta tuntutan umum bahawa setiap manusia dan anggota masyarakat wajar bekerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara dirinya, keluarga dan juga tanggungannya. Dalam agama Islam misalnya, sesuatu kerja yang halal adalah tugas yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada seseorang insan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya dengan bekerja, dengan sendirinya bererti insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah SWT. Ini dapat dilihat menerusi unjuran yang diutarakan berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab (33: 72) yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami telah kemukau tanggungjawab amanah kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakan (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman dan melakukan perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Oleh sebab kerja itu merupakan amanah yang sangat berkait rapat dengan Allah SWT, maka ia juga merupakan suatu amal jihad ke jalan Allah SWT. Ini dapat dilihat menerusi sabda Nabi Muhammad SAW mafhumnya :

“Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah”.

(Riwayat Al-Bukhari)

Ini ditambah pula dengan janji Allah terdapat orang yang berjuang ke jalan Allah SWT seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:11) yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, disebabkan mereka berjuang pada jalan Allah SWT”.

Selain daripada itu, kita hendaklah mengetahui bahawa setiap tugas atau kerja yang dilakukan oleh seseorang kerana Allah SWT adalah menurut kemampuan orang yang berkenaan seperti yang dinyatakan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2: 286) yang bermaksud: *“Allah SWT tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya”*.

Ayat ini menegaskan bahawa tidak ada sebab bagi seseorang pekerja itu mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar. Dengan sendirinya, ayat itu menekankan bahawa seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas jawatannya melainkan pekerja itu sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya.